

15/10/1997

Som selesaikan proses kertas cadangan

PETALING JAYA, Selasa - Mesyuarat Pegawai Kanan (Som) Ekonomi Asean yang tamat hari ini berjaya menyelesaikan proses penyediaan kertas cadangan mengenai hubungan forum itu dengan pelbagai institusi lain seumpamanya.

Berikutan tiada sebarang perkara berbangkit yang perlu ditangani dalam proses penyediaan dokumen itu, mesyuarat Som yang dijadualkan tamat petang ini, selesai lebih awal iaitu pada tengah hari lagi.

Pegawai berkata, mesyuarat Som hari ini berjalan lancar dengan semua perwakilan dari negara anggota Asean memberikan kerjasama serta komitmen kukuh terhadap resolusi yang dibentangkan.

Kertas cadangan itu, antara lain menggariskan asas bentuk kerjasama di antara Asean dengan Jepun, negara Hubungan Rapat Ekonomi (CER) dan Majlis Pembangunan Serantau Afrika Selatan (SADC).

CER membabitkan Australia dan New Zealand, manakala SADC dianggotai negara di selatan Afrika termasuk Afrika Selatan, Tanzania, Angola, Botswana, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia dan Swaziland.

Kertas cadangan yang disediakan oleh Som itu akan dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29, yang akan bermula di sini, Khamis ini. Ia akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat AEM kali ini akan meneruskan perbincangan menjayakan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang dijangka bermula pada 2003 dan Kawasan Pelaburan Asia (AIA).

Turut dijadikan agenda AEM kali ini ialah Mesyuarat Majlis Afta, Mesyuarat AEM-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Asean (Acci) serta Perundingan AEM-CER.

Sepanjang mesyuarat Som hari ini, antara isu paling menonjol ialah mengenai komitmen Jepun untuk membantu ekonomi Asean yang terjejas teruk dengan krisis mata wang baru-baru ini.

Perkembangan itu mendorong Som untuk mengemukakan kertas cadangan supaya AEM mengambil inisiatif menangani isu terbabit dengan pendekatan bersepadu dan dalam konteks jangka panjang.

Ia juga sebagai persediaan kepada kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Mitsuo Horiuchi bahawa pihaknya bersedia membantu ekonomi Asean menerusi strategi peningkatan import.

Usaha itu juga dijangka membabitkan Jepun memberi jaminan hutang dan insurans bagi dagangan di antaranya dengan Asean bukan sahaja kepada syarikat Jepun, malah juga rakan niaganya.

(END)